

SALINAN SAMPEL

TERBITAN KRISTIAN



TEROKAI | KRISTIANITI

APAKAH BERITA TERBAIK YANG
ANDA PERNAH DENGAR?

BUKU PELAJAR

SALINAN SAMPEL

Christianity Explored Handbook (4th Edition)
Copyright © Christianity Explored 2016. Reprinted 2017, 2018 (twice).
www.christianityexplored.org

Diterbit oleh:
The Good Book Company Ltd
Blenheim House, 1 Blenheim Road, Epsom, Surrey, KT19 9AP, UK
Tel: 0333 123 0880; International: +44 (0) 208 942 0880
Laman Sesawang: info@thegoodbook.com

Websites:
North America: www.thegoodbook.com
UK and Europe: www.thegoodbook.co.uk
Australia: www.thegoodbook.com.au
New Zealand: www.thegoodbook.co.nz

CHRISTIANITY
EXPLORED
MINISTRIES

thegoodbook
COMPANY

Kecuali dinyatakan, ayat Alkitab diambil daripada LEMBAGA ALKITAB INDONESIA. International Bible Society.

Hak cipta terpelihara. Kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta Hak Cipta, tiada bahagian dari penerbitan ini boleh diterbitkan semula dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada penerbit.

Dicetak di Malaysia dengan kebenaran khas daripada The Good Book Company

ISBN: 9781784980771 | Rekaan André Parker



KANDUNGAN

	Selamat Datang	5
SESI 1	Berita Baik	7
SESI 2	Identiti	13
SESI 3	Dosa	21
SESI 4	Kayu Salib	29
SESI 5	Kebangkitan	38
SESI 6	Rahmat	47
HARI RENUNGAN		
	Si Penabur	55
	Yakobus dan Yohanes	59
	Raja Herodes	61
SESI 7	Datang dan Mati	64
TAMBAHAN	Bolehkah kita percaya kepada Injil Markus?	71
	Peta	75

SALINAN SAMPEL

**SELAMAT DATANG KE
TEROKAI | KRISTIANITI**

Sepanjang tujuh sesi seterusnya kita akan menerokai tiga soalan yang penting tentang Kristianiti (Kepercayaan Kristian): Siapakah Yesus? Apa yang Dia pernah capai? Bagaimana kita harus memberi respon?

Jangan berasa segan untuk menanyakan soalan, walaupun ia dianggap senang ataupun sukar. Dan jika anda tidak dapat hadir pada sesuatu sesi, jangan risau kerana akan ada ulangkaji tentang apa yang diajar pada minggu sebelumnya pada permulaan kelas yang akan datang.

SALINAN SAMPEL

SESI 1
BERITA BAIK



TEROKAI

Apakah berita yang paling baik yang pernah anda dengar?



DENGAR

"Inilah permulaan Injil tentang Yesus Kristus..." (Markus 1:1)

- Apabila kita melihat susunan dan keajaiban dunia dan badan manusia, soalannya adalah: Adakah hal-hal ini berlaku secara kebetulan? Atau ada seseorang yang menciptakannya?
- Alkitab menyatakan Tuhan adalah yang satu-satunya yang mencipta dunia yang kita tinggal dan tubuh badan yang kita miliki. Jadi bagaimana kita boleh mengenali Dia?
- Kita boleh tahu bagaimana rupa Tuhan dengan melihat kepada Yesus Kristus.
- Kristianiti adalah berkenaan Kristus – satu gelaran yang bermaksud “Satu-satunya Raja pilihan Tuhan”.
- Kristianiti adalah “injil” – berita baik - berkenaan Yesus Kristus.
- Apabila Yesus dibaptis, Tuhan Bapa mengisyiharkan “Engkaulah Anak-Ku yang Kukasihi.”
- Tuhan telah menampakkan diri-Nya dalam sejarah manusia melalui Yesus Kristus. Apabila kita melihat Yesus, semua persoalan berkenaan Tuhan terjawab.



BINCANGKAN

1. Adakah anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan Yesus?
 2. Apa yang anda rasa apabila membaca Injil Markus?
 3. Jika anda mahu tanya Tuhan satu soalan, dan anda mahu soalan tersebut dijawab, apakah soalan itu?

Perkataan Alkitab <p>Injil: Berita Baik</p> <p>Kristus / Mesias: Raja yang dipilih oleh Tuhan, yang Tuhan telah janjikan untuk dihantar ke dunia.</p> <p>Nabi: Utusan Tuhan</p> <p>Baptisa: Penyerapan di dalam air sebagai simbol pertaubatan daripada dosa dan disucikan dari dalam.</p>	<p>Pertaubatan: Perubahan minda dan tujuan. Kembali kepada Tuhan secara peribadi.</p> <p>Roh Kudus: Tuhan yang satu di dalam tiga peribadi: Tuhan Bapa, Tuhan Anak (iaitu Yesus) dan Tuhan Roh Kudus.</p>
---	---



SUSULAN

Setiap minggu anda akan menerokai beberapa bab di dalam buku Markus. Apabila pada Sesi 6, anda perlu membaca keseluruhan Injil Markus. Gunakan beberapa soalan berikut untuk membantu anda untuk menerokai petikan. Terdapat ruangan pada akhir muka surat untuk anda catat sebarang soalan yang anda mahu bincangkan pada kelas seterusnya.

Baca Markus 1: 1-20

1. Perkataan "injil" bermaksud "berita baik". Markus memulakan bukunya tentang berita baik dengan tiga ayat berkenaan dengan Yesus:
 - a) oleh nabi-nabi Perjanjian Lama (utusan) (Markus 1:2-3)
 - b) oleh Yohanes Pembaptis (Markus 1:7)
 - c) oleh Tuhan sendiri (Markus 1:11)

Apa yang mereka kata tentang Yesus?

a) .

b) .

c) .

SESI 1 | BERITA BAIK

Baca Markus 1:21 - 2:17

2. Di dalam bab 1 dan 2, Yesus menunjukkan kekuasaan-Nya di dalam pelbagai situasi. (Lihat Markus 1:16-20, 21-22, 23-28, 40-45; 2:1-12). Apabila Yesus bercakap atau bertindak, apa yang berlaku?

Baca Markus 2:18 – 3:6

3. Walaupun pada peringkat awal, Yesus menerima pelbagai pandangan. Ada orang yang terpegun dengan Dia, manakala ada yang berasa marah. Apakah pandangan awal anda tentang Yesus?

Adakah anda mempunyai sebarang soalan berkenaan Markus 1:1 – 3:6?

SALINAN SAMPEL



SESI 2 IDENTITI



RINGKASAN

Pada sesi sebelum ini, kita melihat Kristianiti adalah berkenaan dengan Kristus. Ia adalah berita baik ("injil") berkenaan Yesus Kristus. Anda boleh lihat ringkasan pendek daripada perkongsian / video pada sesi sebelum ini di muka surat 8. Di dalam sesi ini, kita akan melihat apa yang Markus cuba sampaikan kepada kita tentang siapakah Yesus.



TEROKAI

- Bincangkan soalan-soalan susulan berkenaan sesi sebelum ini.
- Lihat pada Markus 4:35-41 dan jawab soalan-soalan berikut:
 1. Adakah para murid mempunyai harapan untuk hentikan angin ribut?

TEROKAI | KRISTIANITI

2. Apa yang menakjubkan tentang cara Yesus menenangkan angin ribut? (Lihat Markus 4:39)
3. Di dalam ayat-ayat berikut (dari Mazmur 107) adalah lagu yang biasa diguna untuk memuji Tuhan kerana kekuasaan-Nya atas laut. Para murid sepatutnya telah mengetahui dengan baik. Setelah anda membacanya, lihat persamaan dengan pengalaman mereka di dalam Markus 4:35-41.

²³ Ada orang-orang yang mengarungi laut dengan kapal-kapal,
yang melakukan perdagangan di lautan luas;

²⁴ mereka melihat pekerjaan-pekerjaan TUHAN, dan perbuatan-perbuatan-Nya yang ajaib di tempat yang dalam.

²⁵ Ia berfirman, maka dibangkitkan-Nya angin badai yang meninggikan gelombang-gelombangnya.

²⁶ Mereka naik sampai ke langit dan turun ke samudera raya, jiwa mereka hancur karena celaka;

²⁷ mereka pusing dan terhuyung-huyung seperti orang mabuk, dan kehilangan akal.

²⁸ Maka berseru-serulah mereka kepada TUHAN dalam kesesakan mereka, dan dikeluarkan-Nya mereka dari kecemasan mereka,

²⁹ dibuat-Nyalah badai itu diam, sehingga gelombang-gelombangnya tenang.

SALINAN SAMPEL

SESI 2 | IDENTITI

³⁰ Mereka bersukacita, sebab semuanya reda, dan dituntun-Nya mereka ke pelabuhan kesukaan mereka.

³¹ Biarlah mereka bersyukur kepada TUHAN karena kasih setia-Nya, karena perbuatan-perbuatan-Nya yang ajaib terhadap anak-anak manusia.

Mazmur 107:23-31

Apakah persamaannya?

4. Lagu dan cerita ini berakhir dengan dua cara berbeza. (Lihat Mazmur 107:30 dan Markus 4:41). Mengapa para murid masih berasa takut setelah angin ribut diredakan?



DENGAR

“Siapa gerangan orang ini, sehingga angin dan danau pun taat kepada-Nya?” (Markus 4:41)

- Ianya sangat penting untuk mengetahui identiti sebenar Yesus – jika tidak kita akan memahami Dia dengan cara yang salah.
- Markus menunjukkan identiti Yesus dengan:
 1. kekuasaan-Nya dalam mengajar (Markus 1:21-22).
 2. kekuasaan-Nya atas penyakit (Markus 1:29-31, 32-34, 3:22).
 3. kekuasaan-Nya atas alam semulajadi (Markus 4:35-41; lihat juga Mazmur 107:23-31).
 4. kekuasaan-Nya atas kematian (Markus 5:21-24, 35-43).
 5. kekuasaan-Nya untuk mengampun dosa (Markus 2:1-12).
- Sebagai Anak Tuhan dan satu-satunya Raja yang dipilih oleh Tuhan, Yesus bertindak dengan kekuasaan Tuhan dan menunjukkan kekuasaan Tuhan.



BINCANGKAN

1. Apa pendapat anda dengan bukti-bukti dari Markus kepada kita?

2. Apakah pandangan anda tentang siapa Yesus?

Perkataan Alkitab

Murid: Mereka yang dipanggil untuk mengikut Yesus, belajar daripada-Nya dan menjadi saksi untuk pelayanan-Nya.

Sabat: Hari yang ditentukan bagi orang Yahudi untuk berehat dan menikmati Tuhan.

Dosa: Memberontak kepada Tuhan. Gagal dalam memikir, berkata dan melakukan apa yang sepatutnya.

Penghujatan: Mencaci Tuhan, atau memperlakukan nama Tuhan dengan cara yang memperli.

Anak Manusia: Gelaran yang diambil dari buku Perjanjian Lama Daniel, dimana Anak Manusia akan datang dari Syurga dan diberi kekuasaan untuk memerintah dunia selamanya. Yesus sering kali menggunakan gelaran ini untuk diri-Nya sendiri.



SUSULAN

Setiap minggu anda akan menerokai beberapa bab di dalam buku Markus. Apabila pada Sesi 6, anda perlu membaca keseluruhan Injil Markus. Gunakan beberapa soalan berikut untuk membantu anda untuk menerokai petikan. Terdapat ruangan pada akhir muka surat untuk anda catat sebarang soalan yang anda mahu bincangkan pada kelas seterusnya.

Baca Markus 3:7 – 5:43

1. Di dalam petikan ini Markus merekodkan Yesus melakukan mukjizat yang khusus:
 - a) meredakan angin ribut (Markus 4:35-41)
 - b) menyembuhkan lelaki yang kerasukan oleh sitan (Markus 5:1-20)
 - c) menyembuhkan perempuan yang sakit (Markus 5:25-34)
 - d) membangkitkan seorang anak perempuan dari mati (Markus 5:35-43).

Kekuasaan apakah yang Yesus tunjukkan dalam semua peristiwa ini?

- a) .
- b) .
- c) .
- d) .

SESI 2 | IDENTITI

- Bagaimana ini membantu kepada apa yang telah kita belajar setakat ini berkenaan kekuasaan pada bab sebelum ini?
2. Apabila anak perempuan Yairus mati, dan semua harapan seperti musnah (Markus 5:35), apa yang Yesus suruh Yairus lakukan (ayat 36)?
- Adakah perkara itu “munasabah” untuk dilakukan?
3. Lihat pada keempat-empat peristiwa (lihat soalan 1), apakah respon berbeza yang ditunjukkan oleh orang ramai kepada Yesus? Lihat...
- a) Markus 4:40-41
 - b) Markus 5:15

SALINAN SAMPEL

TEROKAI | KRISTIANITI

- c) Markus 5:27-28, 34
 - d) Markus 5:42
-
- Adakah anda dapat melihat diri anda dalam respon-respon di atas?

Adakah anda mempunyai sebarang persoalan berkenaan Markus 3:7-5:43?



**SESI 3
DOSA**



RINGKASAN

Pada sesi sebelum ini, kita melihat Yesus adalah Kristus (Raja yang dipilih Tuhan) dan Anak Tuhan. Anda boleh lihat ringkasan pendek daripada perkongsian / video pada sesi sebelum ini di muka surat 16. Di dalam sesi ini, kita akan melihat apa yang Markus cuba sampaikan kepada kita kenapa Yesus datang ke dunia.



TEROKAI

- Bincangkan soalan-soalan susulan berkenaan sesi sebelum ini.
- Lihat pada Markus 2:1-12 dan jawab soalan-soalan berikut:
 1. Sekumpulan orang ramai datang berkumpul untuk mendengar Yesus. Kenapa?
Apakah reputasi yang telah Yesus capai pada waktu tersebut? (Lihat Markus 1:27-28, 32-34, 45 untuk jawapannya).

SALINAN SAMPEL

TEROKAI | KRISTIANITI

2. Apa yang diharapkan oleh empat orang lelaki untuk Yesus lakukan?
3. Sebaliknya apa yang dilakukan oleh Yesus di dalam Markus 2:5? Kenapa Yesus melakukan hal ini?
4. Kenapa beberapa ahli Taurat berasa marah dengan apa yang dilakukan oleh Yesus (Lihat Markus 2:6-7).

SALINAN SAMPEL

SESI 3 | DOSA

5. Adakah mereka mendapat kesimpulan yang betul?
 6. Bagaimana kita tahu bahawa Yesus mempunyai kekuasaan untuk mengampuni dosa? (Lihat Markus 2:8-12).



DENGAR

"Aku datang bukan untuk memanggil orang benar, melainkan orang berdosa." (Markus 2:17b)

- Sebab kenapa dunia tidak dalam keadaan yang sepatutnya adalah disebabkan kita tidak hidup dengan cara yang sepatutnya.
- Yesus memberitahu kita bahawa "dosa" berasal "dari dalam", dari "hati" kita. (Markus 7:20-22).
- Setiap kita mempunyai masalah hati. Kita sering melayani orang lain dan dunia ini dengan cara yang tidak baik, dan kita melayani Tuhan dalam cara yang sama juga.
- Kita harus mengasihi Tuhan dengan sepenuh hati, jiwa, minda dan kekuatan. Tetapi kita tidak mampu melakukannya.
- Kita semua telah memberontak kepada Tuhan, Pencipta kita. Ini yang dikatakan sebagai "dosa" di dalam Alkitab.
- Yesus datang untuk menyembuh masalah hati kita, masalah dosa. Dia datang kepada orang yang tahu mereka mempunyai masalah, bukan kepada mereka yang menganggap diri mereka baik.
- Yesus dengan penuh kasih memberi amaran kepada kita tentang neraka kerana Dia tidak mahu kita dihukum. Dosa bermakna kita semua di dalam bahaya, sama ada kita sedari atau tidak sedari (Markus 9:43-47).

SESI 3 | DOSA



BINCANGKAN

1. Baca Markus 9:43-47. Pada pendapat anda kenapa Yesus menggunakan bahasa yang ekstrim apabila Dia bercakap tentang pentingnya mengelak dari neraka?
2. Yesus percaya adanya neraka. Bagaimana dengan kita? Kenapa ya atau kenapa tidak?
3. Bayangkan semua pemikiran dan tindakan yang anda tunjukkan kepada semua orang lihat. Bagaimana perasaan anda?

Perkataan
Alkitab

Jiwa: Sebahagian yang dalam kita selama-lamanya.

Orang berdosa: Mereka yang hidup dalam dosa (iaitu kita semua). Lihat "dosa" di muka surat 17.

Farisi: Pemimpin agama Yahudi

Orang Benar: Orang yang hidup dalam kebenaran di dalam Tuhan.



SUSULAN

Gunakan beberapa soalan berikut untuk membantu anda untuk menerokai petikan. Terdapat ruangan pada akhir muka surat untuk anda catat sebarang soalan yang anda mahu bincangkan pada kelas seterusnya.

Baca Markus 6:1 – 8:29

1. Pada permulaan bab (1-5), Markus telah membentuk gambaran kekuasaan Yesus. Dia telah menunjukkan kepada kita pelbagai mukjizat: memulihkan yang sakit, menghalau sitan, membangkit orang yang telah mati, meredakan angin ribut.

Bagaimana petikan ini (Markus 6:1 – 8:29) menyokong gambaran ini? (Lihat Markus 6:32-44, 47-48; 7:31-37; 8:1-10, 22-26).

2. Yesus melihat orang ramai di dalam Markus 6:34 seperti “domba yang tidak mempunyai gembala”. Apa yang dilakukan Yesus selepas itu?
 - Jika Yesus lihat pada muka-muka orang ramai di bandar sesak pada hari ini, adakah Yesus juga akan berfikiran yang sama? Kenapa / kenapa tidak?

SESI 3 | DOSA

- Adakah anda memerlukan Yesus sebagai gembala anda?
3. Tuliskan pelbagai reaksi berbeza terhadap khutbah Yesus dan mukjizat-Nya?
- a) di dalam rumah ibadat (Markus 6:1-6).
 - b) di kalangan orang ramai secara umumnya (Markus 6:14-15, 53-56; 7:37).
 - c) di kalangan para murid (Markus 6:51-52)
 - d) di kalangan pemimpin agama (Markus 8:11)
- Kenapa orang ramai memberi respon berbeza dalam setiap situasi tersebut?

SALINAN SAMPEL

TEROKAI | KRISTIANITI

- Dapatkah anda kenal pasti secara khusus diri anda di antara kumpulan-kumpulan tersebut?
4. Baca soalan Yesus di dalam Markus 8:29. Apakah yang akan anda jawab sebelum anda mengikut *Terokai Kristianiti*?
- Sekarang anda sudah berada di separuh perjalanan Injil Markus, dan telah membaca perkara-perkara ajaib yang Yesus lakukan dan katakan, adakah jawapan anda telah berubah?
 - Jika anda masih mempunyai soalan berkenaan identiti Yesus, sila tuliskan di sini.

Adakah anda mempunyai sebarang soalan berkenaan Markus 6:1 – 8:29?

SESI 4
KAYU SALIB



RINGKASAN

Pada sesi sebelum ini, kita melihat Yesus datang untuk merawat masalah hati – dosa kita. Anda boleh lihat ringkasan pendek daripada perkongsian / video pada sesi sebelum ini di muka surat 24. Di dalam sesi ini, kita akan melihat apa yang Markus cuba sampaikan tentang kenapa Yesus mati?



TEROKAI

- Bincangkan soalan-soalan susulan berkenaan sesi sebelum ini.
- Lihat pada Markus 8:22-33 dan jawab soalan-soalan berikut:
 1. Secara umum, kenapa orang pada hari ini percaya kepada Yesus? Atas dasar apa mereka percaya?

2. Kenyataan Petrus di dalam Markus 8:29 seakan satu titik perubahan di dalam Injil Markus (Lihat Markus 8:31). Apa kata Petrus, dan pada pendapat anda kenapa ia penting?

Apakah yang dikatakan Petrus, dan pada pendapat anda kenapa ianya penting?

3. Setelah identiti Yesus dijelaskan (Markus 8:29), Yesus menjelaskan misi-Nya di dalam Markus 8:31-32. Pada pendapat anda kenapa Petrus menegur Yesus? (Lihat Markus 8:32-33).

4. Markus merekodkan dua peringkat penyembuhan seorang lelaki buta di dalam Markus 8:22-26. Proses penyembuhan lelaki buta ini daripada tidak boleh melihat (Markus 8:22) sehingga melihat bayangan (Markus 8:24) dan sehingga boleh melihat sepenuhnya (Markus 8:25). Sejauh manakah para murid Yesus “melihat” identiti dan Misi Yesus di dalam Markus 8:27-33?

SALINAN SAMPEL

SESI 4 | KAYU SALIB

5. Yesus memberitahu Petrus yang dia memiliki "pemikiran manusia". Apa ayat yang Yesus guna untuk menerangkan penderitaan dan kematian-Nya (Markus 8:33)?
 - Apa yang ingin diberitahu berkenaan misi-Nya?
6. Di dalam Markus 8:29, Yesus bertanya: "Tetapi apa katamu, siapakah Aku ini?" Adakah anda boleh mempunyai jawapan pasti untuk soalan ini? Jika ya, bagaimana anda boleh jawab dan kenapa?

Perkataan
Alkitab

Sitan: makhluk rohani yang namanya bermaksud "musuh". Dia juga adalah musuh Tuhan, umat-Nya dan segala yang baik. Dia juga dipanggil Iblis.

Tebusan: Harga yang dibayar supaya hamba boleh dilepaskan.



DENGAR

"Karena Anak Manusia juga datang bukan untuk dilayani, melainkan untuk melayani dan untuk memberikan nyawa-Nya menjadi tebusan bagi banyak orang." (Markus 10:45).

- Kematian Yesus di atas Kayu Salib bukan satu tragik kehidupan yang sia-sia. Ia adalah penyelamatan.
- Yesus mengajar para murid-Nya bahawa Dia akan dibunuh. Dia datang "memberikan nyawa-Nya menjadi tebusan bagi banyak orang." (Markus 10:45).
- Sewaktu Yesus mati di kayu salib, kegelapan menyelubungi seluruh negeri. Tuhan seakan dalam keadaan marah menghukum dosa.
- Pada kayu salib, Yesus pada satu ketika seakan "ditinggalkan" oleh Tuhan, seperti Tuhan sedang menghukum dosa.
- Yesus menyerahkan diri-Nya sebagai penganti hukuman untuk kita. Dia menanggung hukuman bagi dosa yang sepatutnya kita tanggung sendiri, supaya kita boleh diselamatkan.
- Ketika Yesus mati, tabir di Bait Suci terbelah dua dari atas sampai ke bawah (Markus 15:38). Oleh kerana kayu salib, kini jalan terbuka untuk semua orang datang kepada Tuhan.
- Orang ramai yang melihat Yesus memberi reaksi yang berbeza:
 - Para askar ketinggalan dengan apa yang telah berlaku.
 - Para pemimpin agama yakin dan anggap mereka tahu kehendak Tuhan.
 - Gabenor Roma, Pontius Pilatus menyerah kepada kehendak orang ramai.
 - Kepala pasukan askar Roma mengenali identiti Yesus "Sungguh, orang ini adalah Anak Tuhan!" (Markus 15:39).



BINCANGKAN

1. Apa yang anda rasakan sekiranya ada orang sanggup menanggung hukuman untuk kesalahan serius yang telah anda lakukan?
 2. Apakah reaksi-reaksi di atas dalam kematian Yesus yang mengambarkan reaksi anda?
 3. Yesus berkata dia datang untuk "memberikan nyawa-Nya menjadi tebusan" bagi orang berdosa (Markus 10:45). Apa yang anda akan lakukan dengan dosa anda?

SESI 4 | KAYU SALIB



SUSULAN

Gunakan beberapa soalan berikut untuk membantu anda untuk menerokai petikan. Terdapat ruangan pada akhir muka surat untuk anda catat sebarang soalan yang anda mahu bincangkan pada kelas seterusnya.

Baca Markus 8:30-10:52

(Nota: perkataan “Anak Manusia” adalah cara Yesus mengelarkan diri-Nya).

1. Yesus secara terang bernubuat tentang kematian dan kebangkitan-Nya sebanyak tiga kali (Markus 8:31, 9:31 dan 10:33-34). Apakah yang Dia katakan “harus” dan “akan” berlaku?

2. Di dalam Markus 8:31, Yesus berkata Dia “harus” mati. Kenapa Dia harus mati? (Lihat Markus 10:45).

3. Apakah maksud Yesus berkenaan mengikuti Dia? (Lihat Markus 8:34).

4. Setiap kali Yesus bernubuat tentang kematian dan kebangkitan-Nya, Markus merekodkan respon para murid-Nya. (Lihat Markus 8:32-33, 9:33-35; 10:35-45). Bagaimana para murid merespon kepada setiap keadaan tersebut?
 - a) Markus 8:32-33

 - b) Markus 9:32-35

 - c) Markus 10:35-41

SALINAN SAMPEL

SESI 4 | KAYU SALIB

5. Di dalam Markus 8:29 Petrus mengaku Yesus sebagai Mesias, Raja pilihan Tuhan. Ketika dia menarik dan menegur Yesus (Markus 8:32), Petrus tidak melayani Yesus sebagai seorang Raja pilihan Tuhan. Jika anda, bagaimana anda akan melayani Yesus?

- Apa perasaan anda tentang Yesus sebagai Raja di dalam semua aspek kehidupan anda?

Adakah anda mempunyai sebarang soalan berkenaan Markus 8:30-10:52?

SALINAN SAMPEL



SESI 5 KEBANGKITAN



RINGKASAN

Pada sesi sebelum ini, kita melihat Yesus mati untuk menyelamatkan kita daripada dosa, dengan menanggung penghukuman yang sepatutnya kita tanggung. Anda boleh lihat ringkasan pendek daripada perkongsian / video pada sesi sebelum ini di muka surat 32. Di dalam sesi ini, kita akan melihat apa yang Markus cuba sampaikan kepada kita kenapa Yesus bangkit dari kematian.



TEROKAI

- Bincangkan soalan-soalan susulan berkenaan sesi sebelum ini.
- Lihat pada Markus 14:27-31 dan jawab soalan-soalan berikut:
 1. Di bahagian ini, Yesus sedang bercakap dengan para murid-Nya. Apakah nubuatan yang Yesus lakukan? (Lihat Markus 14:27, 28, dan 30).

TEROKAI | KRISTIANITI

2. Cara apakah Petrus tidak bersetuju dengan nubuatan Yesus? (Lihat Markus 14:29, 31).
3. Di dalam Markus 14:27, Yesus memetik ayat dari Perjanjian Lama (Zakharia 13:7) untuk menjelaskan tentang penderitaan, dan kenapa para murid akan tercerai-berai.

Bagaimana kita tahu bahawa Yesus mahu mengumpul kesemua "domba" yang telah tercerai-berai dengan kematian-Nya? (Lihat Markus 14:28 dan Markus 16:6-7).

4. Nubuatan Yesus yang manakah yang Petrus perhatikan?

- Yang mana satukah yang dia abaikan?

SALINAN SAMPEL

SESI 5 | KEBANGKITAN

5. Yesus telah berucap dengan jelas dan berulang kali berkenaan kebangkitan-Nya dari kematian. (Lihat Markus 8:31, 9:30-31, 10:32-34). Adakah para murid Yesus memahami maksudnya? Jika tidak, kenapa mereka tidak menanyakan Yesus tentang itu? (Lihat Markus 9:32).

Perkataan
Alkitab

Bangsa-bangsa lain: orang bukan Yahudi.
Pilatus: Gabenor Roma di Yerusalem.

Kerajaan Tuhan: Apabila Raja Tuhan (Yesus) memerintah atas umat Tuhan. Bukan kerajaan berbentuk geografi.

TEROKAI | KRISTIANITI



DENGAR

“Ia telah bangkit!....yang sudah dikatakan-Nya kepada kamu.”
(Markus 16:6-7)

- Yesus seringkali menyatakan bahawa Dia akan bangkit hidup pada hari ketiga selepas kematian-Nya.
- Yesus sememangnya telah mati: perempuan-perempuan, Yusuf orang Arimatea, Kepala pasukan askar Roma dan Pontius Pilatus antara saksi yang telah pasti bahawa Yesus telah mati.
- 36 jam kemudian, sebuah batu besar dan berat yang telah menutupi pintu masuk kubur Yesus telah digulingkan.
- Seorang pemuda yang memakai jubah putih memberitahu perempuan-perempuan itu bahawa Yesus telah bangkit dari mati. Dia juga memberitahu supaya para murid Yesus untuk berjumpa-Nya di Galilea, seperti apa yang pernah Yesus beritahu sebelum kematian-Nya.
- Yesus menampakkan diri-Nya kepada para murid-Nya sekurang-kurangnya sepuluh kejadian berlainan selepas kematian-Nya. Dia juga muncul lebih daripada 500 orang ramai pada waktu yang sama.
- Bukan sahaja para murid Yesus sahaja yang telah melihat Yesus telah bangkit. Kita juga akan melihat-Nya juga.
- Kebangkitan-Nya memberi jaminan bahawa satu hari nanti kita akan dibangkitkan secara fizikal dari kematian. Dan Yesus akan menjadi hakim pada hari tersebut.
- Yesus mati untuk membayar dosa, dan bangkit dari kematian untuk membuktikan bahawa dosa telah dibayar lunas. Jika kita meletakkan kepercayaan kita di dalam Yesus, semua dosa kita akan diampuni sepenuhnya.
- Oleh kerana kebangkitan, kita boleh percaya kepada Yesus dalam kematian kita. Adakah kita sudah bersedia berjumpa dengan-Nya?



BINCANGKAN

1. *"Karena ia telah menetapkan suatu hari pada waktu mana ia dengan adil akan menghakimi dunia oleh seorang yang telah ditentukan-Nya, sesudah ia memberikan kepada semua orang suatu bukti tentang hal itu dengan membangkitkan Dia dari antara orang mati."* (Kisah Para Rasul 17:31). Apakah reaksi anda tentang hal ini?

2. Adakah anda percaya Yesus telah bangkit dari kematian? Kenapa dan kenapa tidak?

TEROKAI | KRISTIANITI



SUSULAN

Gunakan beberapa soalan berikut untuk membantu anda untuk menerokai petikan. Terdapat ruangan pada akhir muka surat untuk anda catat sebarang soalan yang anda mahu bincangkan pada kelas seterusnya.

Baca Markus 11:1-33

1. Apakah sikap orang ramai terhadap Yesus ketika Dia memasuki kota Yerusalem? (Lihat Markus 11:8-10).

2. Di dalam Perjanjian Lama, nabi Zakharia menulis tentang ada satu masa apabila seseorang akan duduk atas seekor keledai memasuki Yerusalem (juga dipanggil sebagai Sion).

Bersorak-sorailah dengan nyaring, hai Puteri Sion!

Bersorak-sorailah, hai Puteri Yerusalem!

Lihat, rajamu datang kepadamu; ia adil dan jaya.

Ia lemah lembut dan mengendarai seekor keledai,

Seekor keledai beban yang muda.”

Zakharia 9:9

Apakah yang difahami oleh orang ramai berkenaan Yesus saat Dia memasuki dalam cara sedemikian?

Baca Markus 12:1 – 13:37

3. Apakah respon para pemimpin agama kepada Yesus di dalam Markus 11:18 dan 12:12?
 4. Bagaimanakah layanan para pemimpin agama kepada Yesus akibat dari mereka takut akan-Nya? (Lihat Markus 11:27-33; 12:13-17).
 5. Orang Saduki adalah kumpulan pemimpin agama yang tidak percaya kepada kebangkitan. Di dalam Markus 12:18-23, mereka cuba memperbodohkan Yesus dengan soalan mereka berkenaan kebangkitan. Apakah yang Yesus katakan kepada mereka yang merupakan sebab sebenar ketidakpercayaan mereka? (Lihat Markus 12:24).

TEROKAI | KRISTIANITI

6. Apakah kritikan lain yang Yesus kata tentang para pemimpin agama? (Lihat Markus 12:38-40).
 7. Setelah beberapa hari, suasana orang ramai telah berubah. Diketuai oleh pemimpin agama, mereka meminta kematian Yesus (Lihat Markus 15:9-13). Adakah ianya suatu kejutan bagi anda dimana seseorang yang dihormati, walaupun beragama tapi masih menolak Yesus? Kenapa atau kenapa tidak?

Adakah anda mempunyai persoalan berkenaan Markus 11:1-13:37?

SALINAN SAMPEL

SESI 6 RAHMAT



RINGKASAN

Pada sesi sebelum ini, kita melihat bahawa kebangkitan membuktikan bahawa Tuhan telah menerima tebusan yang dibayar oleh Yesus, kematian telah dikalahkan, dan Yesus akan kembali untuk menghakimi semua orang. Anda boleh lihat ringkasan pendek daripada perkongsian / video pada sesi sebelum ini di muka surat 42. Di dalam sesi ini, kita akan melihat apa yang Markus cuba sampaikan kepada kita tentang bagaimana Tuhan akan menerima kita oleh kerana Yesus.



TEROKAI

- Bincangkan soalan-soalan susulan berkenaan sesi sebelum ini.
 - Lihat pada Markus 10:13-16 dan jawab soalan-soalan berikut:
1. Dari apa yang telah kita lihat tentang Yesus, kenapa orang ramai akan membawa anak-anak kepada Yesus? (Lihat Markus 10:13 dan 16).

TEROKAI | KRISTIANITI

2. Kita tidak diberitahu kenapa para murid-Nya menegur mereka yang membawa anak-anak kecil kepada Yesus. Apakah mungkin sebabnya para murid Yesus berbuat demikian? (Lihat Markus 9:33-34).
3. Baca Markus 9:33-37. Di dalam Markus 10:14, kita diberitahu bahawa Yesus marah dengan tindakan para murid-Nya. Adakah anda berasa hairan dengan reaksi Yesus? Kenapa atau kenapa tidak?
4. Baca Markus 10:14-15. Bagaimana kita tahu bahawa Yesus bukan hanya bercakap tentang anak-anak kecil yang menjadi milik Kerajaan Tuhan?
5. Baca Markus 10:16. Anak-anak kecil tidak melakukan apa-apa yang melayakkan mereka diterima oleh Yesus. Apa yang mereka lakukan hanyalah datang kepada-Nya dan Yesus memeluk mereka. Apakah maksud kejadian ini kepada kita tentang memasuki kerajaan Tuhan? (Lihat Markus 10:15).



DENGAR

"Aku berkata kepadamu: sesungguhnya barangsiapa tidak menyambut Kerajaan Tuhan seperti seorang anak kecil, ia tidak akan masuk ke dalamnya." (Markus 10:15)

- Jika Tuhan bertanya, "Kenapa Aku harus memberi kehidupan kekal?", apa yang akan anda jawab?
- Pemuda yang kaya mahu mengetahui bagaimana untuk hidup cukup baik pada pandangan Tuhan.
- Kita tidak mungkin dapat melakukan yang cukup baik untuk mewarisi kehidupan kekal.
- Tiada apa yang kita boleh lakukan untuk menyembuhkan masalah hati kita.
- Tetapi kita akan menerima kehidupan kekal sebagai hadiah percuma-dibayar dengan kematian Yesus. Inilah rahmat - hadiah berharga daripada Tuhan untuk kita.
- Kita lebih berdosa daripada apa yang kita sedari, tetapi dikasihi daripada apa yang kita mampu impikan.



BINCANGKAN

1. "Apa yang harus kuperbuat untuk memperoleh hidup yang kekal?" (Markus 10:17). Bagaimana anda menjawab soalan ini?
 2. "Anda lebih berdosa daripada apa yang anda sedari, tetapi dikasihi daripada apa yang anda mampu impikan." Bagaimana anda memberi respon untuk hal ini?
 3. Adakah rahmat memberi sebarang perbezaan pandangan anda terhadap Tuhan pada Sesi 1?



SUSULAN

Gunakan beberapa soalan berikut untuk membantu anda untuk menerokai petikan. Terdapat ruangan pada akhir muka surat untuk anda catat sebarang soalan yang anda mahu bincangkan pada kelas seterusnya.

Baca Markus 14:1-72

1. Markus memberitahu kita tentang malam terakhir Yesus bersama para murid-Nya, dan perbicaraan-Nya di mahkamah Yahudi, Majlis Agama. Apakah yang kita tahu dari rekod Markus bahawa kematian Yesus bukan satu kesilapan atau kemalangan? (Lihat Markus 14:12-26, 27-31, 48-49, 61-62).
 - a) Markus 14:12-16
 - b) Markus 14:27-31
 - c) Markus 14:48-49
 - d) Markus 14:61-62

TEROKAI | KRISTIANITI

2. Yesus tahu bahawa misi-Nya adalah untuk mati. Adakah ini bermakna kematian adalah mudah bagi-Nya? (Lihat Markus 14:33-36; 15:34).

Baca Markus 15:1-16:8

3. Saat Yesus mati, sesuatu berlaku di dalam Bait Suci (Markus 15:38). Apa yang berlaku?
- Tabir di Bait Suci adalah seperti tanda besar "Dilarang masuk". Ini menunjukkan bahawa orang ramai dilarang untuk mendekati Tuhan kerana dosa mereka. Pada pendapat anda kenapa Markus merekod kejadian tabir ini?
4. Di dalam Markus 14:50 kita lihat para murid-Nya meninggalkan Yesus. Di dalam Markus 14:66-72 kita lihat Petrus berulang kali tidak mengaku Yesus. Dengan apa yang pernah Yesus katakan berkenaan kematian-Nya, pada pendapat anda kenapa mereka bertindak sedemikian?

SESI 6 | RAHMAT

5. Kepala pasukan askar telah diberi tanggungjawab untuk menjalankan hukuman mati ke atas Yesus. Apakah yang dikatakan oleh Kepala pasukan askar apabila Yesus mati (Markus 15:39)?

- Kenapa dia berkata sedemikian – kenapa ianya mengejutkan?

6. Rahmat adalah apabila Tuhan melayani kita dengan cara bertentangan dengan apa yang kita layak terima. Ia hadiah yang kita tidak layak terima. Petrus telah menyangkal Yesus sebanyak tiga kali (Markus 14:66-72). Pada pendapat anda, apa yang dirasakan Petrus apabila dia diberitahu tentang hal ini di dalam Markus 16:7? Kenapa?

- Rahmat yang ditunjukkan Yesus kepada Petrus adalah gambaran rahmat akan diberikan kepada kita. Bagaimana anda akan respon kepada hadiah yang diberi oleh Yesus?

Adakah anda mempunyai sebarang persoalan berkenaan Markus 14:1-16:8?

SALINAN SAMPEL

HARI RENUNGAN 1 SI PENABUR



RINGKASAN

Pada sesi sebelum ini, kita melihat bahawa Tuhan menerima kita bukan kerana apa yang telah kita lakukan tetapi apa yang Yesus telah lakukan untuk kita. Ini adalah rahmat berharga Tuhan bagi kita. Anda boleh lihat ringkasan pendek daripada perkongsian / video pada sesi sebelum ini di muka surat 49. Di dalam sesi ini, kita akan melihat apa yang dimaksudkan untuk mendengar dengan teliti, meminta dengan rendah hati dan memilih dengan bijak.



TEROKAI

- Lihat pada Markus 4:1-9 dan 13-20. Sila jawab soalan-soalan berikut:
 1. Perumpamaan adalah satu bentuk penceritaan dengan maksud yang mendalam, dan adakalanya tersembunyi. Apakah maksud setiap bahagian di dalam perumpamaan ini? (Lihat Markus 4:13-20).
 - Si Penabur mewakili...
 - Benih adalah...

TEROKAI | KRISTIANITI

- Pinggir jalan adalah orang yang...
- Tanah yang berbatu-batu adalah orang yang...
- Apakah gambaran duri dalam kehidupan?
- Bagaimana anda boleh kenal pasti mereka yang merupakan tanah yang subur?



DENGAR

"Dan kata Yesus, 'Siapa mempunyai telinga untuk mendengar, hendaklah ia mendengar!'" (Markus 4:9)

- Berita baik berkenaan Yesus hanya boleh mengubah kehidupan anda sekiranya anda mendengar dengan baik.
- Perumpamaan menjelaskan apa yang akan berlaku sekiranya berita baik telah diperdengarkan.
 1. Sitan seperti pencuri yang mahu mengambil berita injil daripada anda.
 2. Sesetengah orang putus asa kepada Yesus daripada mengikuti Yesus.

HARI RIADAH 1 | SI PENABUR

3. Sesetengah orang membenarkan kehendak mereka untuk hal-hal lain lebih penting daripada keperluan mereka untuk Yesus.
 4. Sesetengah orang tahu bahawa Yesus adalah harta terbaik di dalam dunia.
-
- Mesej injil mempunyai kuasa untuk membuka hati manusia, sekiranya kita mahu mendengar dan bertindak dengan apa yang kita dengar.



BINCANGKAN

1. Apabila kita renung kembali sepanjang kursus ini, adakah sesuatu perkara yang memberi kesan kepada anda?

2. Tanah jenis apa yang memberi gambaran terbaik tentang diri anda?

SALINAN SAMPEL

HARI RENUNGAN 2 YAKOBUS DAN YOHANES



DENGAR

"Apa yang kamu kehendaki Aku perbuat bagimu?" (Markus 10:36).

- Jika Tuhan berkata, "Apa yang kamu kehendaki Aku perbuat bagimu?", apa yang akan kamu minta?
- Yakobus dan Yohanes mahu meminta kuasa dan kedudukan tetapi Yesus menawarkan sesuatu yang jauh lebih berharga – iaitu diri-Nya sendiri.
- Mengikuti Yesus adalah berkenaan pelayanan, bukan status.
- Kepuasan tidak datang daripada pencarian status atau yang lain – ia datang daripada Tuhan.
- Kita membuat semua ini lebih penting daripada Tuhan. Alkitab menyebut ini sebagai penyembahan berhala – menjadikan sesuatu yang Tuhan cipta sebagai ganti tempat Tuhan di dalam kehidupan mereka.
- Bartimeus memanggil Yesus sebagai "Anak Daud" dan memohon belas kasih. Dia menerima dan mengikuti Yesus.
- Apakah yang anda mahu Yesus lakukan bagi anda?



BINCANGKAN

1. Siapakah yang anda boleh kaitkan dengan diri anda dan kenapa? Yakobus dan Yohanes? Atau Bartimeus?
 2. Apa yang anda mahu Yesus lakukan untuk anda?

Perka.taan Alkitab	Kemuliaan: Kedudukan atau tempat yang paling tinggi.	Rabi: Pengajar agama Yahudi
-----------------------	--	-----------------------------

HARI RIADAH 3 RAJA HERODES



DENGAR

"Lalu sangat sedihlah hati raja, tetapi karena sumpahnya dan karena tamu-tamunya ia tidak mau menolaknya." (Markus 6:26)

- Kita adalah pilihan yang kita buat sendiri.
- Raja Herodes telah meletakkan Yohanes Pembaptis hukuman penjara.
- Dia mahu mendengar nasihat Yohanes, tetapi tidak mahu bertaubat.
- Herodes tidak bertindak berdasarkan apa yang dinasihat oleh Yohanes. Oleh sebab itu, dia berasa seperti dipaksa untuk melakukan sesuatu yang dia tidak mahu buat – dan terpaksa membunuh Yohanes.
- Jika kita mendengar kepada Yesus, dan mengambil perkataan-Nya dengan serius, keluarga dan rakan-rakan kita mungkin akan menolak kita. Tetapi akan ada keluarga seiman yang penuh kasih akan sentiasa menyokong dan memberi galakan kepada kita.
- Walaupun mengikuti Yesus akan membawa penganiayaan, Yesus menjanjikan berkat dan sukacita luar biasa bagi mereka.
- Menolak panggilan Yesus untuk bertaubat dan percaya kepada-Nya mungkin membolehkan kita mendapat penerimaan oleh orang lain – tetapi akhirnya kita akan ditolak oleh Yesus.



BINCANGKAN

1. Pada pendapat anda, apa perasaan Herodes berkenaan menghukum bunuh Yohanes Pembaptis? (Lihat Markus 6:20, 26 dan kemudian Markus 6:16).
 2. Markus memberitahu kita bahawa "akhirnya tiba juga kesempatan" (Markus 6:21). Apakah kesempatan yang diambil oleh Herodias? (Lihat Markus 6:19, 24).
 3. Apakah kesempatan yang dilepaskan oleh Herodes, dan kenapa?
 4. Tanah yang mana satukah mengambarkan Herodes? (Lihat Markus 4:15-20).

SALINAN SAMPEL

HARI RIADAH 3 | HERODES

5. Satu pepatah lama mengatakan "Kita adalah pilihan yang kita buat"
Adakah ia benar terjadi kepada Herodes?
 6. Apakah pilihan yang akan anda buat dengan apa yang telah anda dengar sepanjang *Terokai Kristianiti*?

SESI 7 DATANG DAN MATI



RINGKASAN

Semasa Hari Riadah, kita telah belajar kenapa kita harus mendengar dengan berhati-hati kepada firman Tuhan, memohon dengan rendah hati untuk rahmat-Nya, dan membuat pilihan dengan bijak bagaimana kita harus memberi respon kepada Yesus. Anda boleh lihat ringkasan pendek daripada perkongsian / video pada sesi sebelum ini di muka surat 56, 59 dan 61. Pada akhir sesi ini, kita akan melihat apa maksudnya mengikut Yesus.



TEROKAI

- Bincangkan soalan-soalan susulan berkenaan sesi sebelum ini.
- Lihat pada Markus 1:14-15 dan jawab soalan-soalan berikut:
 1. Sepanjang pelajaran *Terokai Kristianiti* ini, kita telah mendengar tentang berita baik. Di dalam Markus 1:14-15, ia dicatat sebanyak dua kali. Tetapi untuk memahami berita baik ini, kita harus memahami “berita buruk” terlebih dahulu.

Apakah “berita buruk” pada ayat-ayat berikut?

a) Markus 7:20-23

b) Markus 9:43-47

TEROKAI | KRISTIANITI

c) Markus 10:26-27

2. "Yesus ke....memberitakan *injil Tuhan.*" (Markus 1:14). Apakah "berita baik" menjawab persoalan dari kursus ini?
- Kenapa Yesus datang?
 - Kenapa Yesus mati?
 - Kenapa Yesus bangkit hidup?
 - Bagaimana Tuhan boleh menerima kita?

SALINAN SAMPEL

SESI 7 | DATANG DAN MATI

3. "Bertaubat dan percayalah kepada injil!" (Markus 1:15). Untuk "bertaubat" bermaksud untuk kembali dari arah bertentangan jalan yang anda tujui. Dan untuk "percaya kepada injil" bermaksud untuk bertindak membina kehidupan anda berdasarkannya. Apa makna hal ini bagi anda?



DENGAR

"Setiap orang yang mau mengikut Aku, ia harus menyangkal dirinya, memikul salibnya dan mengikut Aku." (Markus 8:34)

- Para murid telah melihat kekuasaan Yesus – tetapi masih bertanya, "siapakah orang ini?"
- Yesus menyembuhkan lelaki buta secara berperingkat.
- Penyembuhan secara berperingkat bagi lelaki buta tersebut mengambarkan perkembangan pemahaman secara berperingkat di kalangan para murid.
- Petrus melihat Yesus adalah Mesias, satu-satunya Raja pilihan Tuhan.
- Tetapi "penglihatan" para murid masih belum pulih sepenuhnya. Walaupun mereka melihat siapa Yesus, mereka masih belum dapat melihat tujuan kedatangan-Nya atau apa yang dimaksudkan mengikuti Dia.
- Mengikut Yesus bermakna menyangkal diri dan memikul salib.
- Jika kita mahu hidup kita diselamatkan, kita harus percayakan kehidupan kita di tangan Yesus.
- Murid Kristus yang sejati adalah seseorang yang dapat melihat dengan jelas apa kos pengorbanan untuk mengikut-Nya – tetapi tetap dapat melakukannya dengan sukacita mengetahui mengikuti Yesus lebih bernilai dari segalanya.
- Apa yang anda dapat lihat:
 - o **Identiti** Yesus? (adakah Dia seorang yang baik, atau dia adalah Mesias, Anak Tuhan?)
 - o **Misi** Yesus? (adakah kematian-Nya adalah hal-hal tragik yang sia-sia, atau ia suatu penyelamatan – "tebusan bagi banyak orang"?)
 - o **Panggilan** Yesus? (adakah dengan cara-Nya menyebabkan anda kehilangan nyawa, atau memberi kehidupan kepada anda?)



BINCANGKAN

1. "Apa gunanya seorang memperoleh seluruh dunia, tetapi ia kehilangan nyawanya?" (Markus 8:36). Bagaimana anda menjawab soalan ini?
 2. Adakah anda mungkin berasa malu akan Yesus dan pelayanan-Nya (Markus 8:38)?

TEROKAI | KRISTIANITI

3. Berapakah markah yang anda beri bagi pernyataan berikut?
(0 = tidak yakin sama sekali, 10 = sangat yakin)

Yesus adalah Mesias, Anak Tuhan.

0 _____ 10

Yesus datang untuk menyelamatkan saya dari dosa.

0 _____ 10

Mengikut Yesus bermaksud menyangkal diri saya sendiri dan mengutamakan Yesus walau apapun kos.

0 _____ 10



JADI SEKARANG?

"Waktunya telah genap; Kerajaan Alah sudah dekat. Bertobatlah dan percayalah kepada injil!" (Markus 1:15)

SALINAN SAMPEL

TAMBAHAN

BOLEHKAH KITA PERCAYA INJIL MARKUS?

Siapa? Bila? Kenapa?

Markus adalah rakan rapat dan sepelayanan Petrus, yang merupakan salah seorang murid Yesus. Petrus merupakan "rasul" (salah seorang yang dipanggil khusus sebagai saksi kehidupan, kematian dan kebangkitan Yesus). Petrus menulis dua surat pada abad pertama gereja-gereja Kristian. Salah satu daripadanya dia berkata, "Tetapi aku akan berusaha, supaya juga sesudah kepergianku (iaitu kematianya) itu kamu selalu mengingat semuanya itu." (2 Petrus 1:15). Dia menyatakan perkara yang dia sendiri lihat dan tahu berkenaan Yesus. Dia menyampaikan berita tersebut kepada orang lain seperti Markus. Petrus mati pada umur pertengahan 60-an pada abad pertama. Bukti-bukti menunjukkan Markus menulis injilnya sekitar waktu tersebut.

Tanpa ragu Markus terpengaruh dengan keinginan Petrus untuk menyebarkan cerita-cerita tentang Yesus kepada orang lain dan generasi seterusnya, oleh itu dia menuliskan hal-hal ini dalam sebuah buku. Dalam ucapan permulaan menunjukkan tajuk bukunya: "Inilah permulaan Injil tentang Yesus Kristus, Anak Tuhan."(Markus 1:1)

Yesus mati, bangkit dan kembali ke syurga sekitar selepas masih 30. Markus menulis sekitar 30 tahun selepas itu – bermakna ia masih dalam tempoh para saksi masih hidup untuk membuktikan apa yang direkodnya. Oleh itu, Markus harus menulis dengan tepat. Sebarang yang tidak konsisten dengan apa yang dilihat oleh orang zaman itu pasti penulisannya akan ditolak.

TEROKAI | KRISTIANITI

Adakah buku Markus pernah diubah dari semasa ke semasa?

Sejauh mana salinan asli Markus berbeza dengan buku yang kita miliki hari ini?

Kita tidak mempunyai buku asli Markus untuk dibanding dengan buku yang kita miliki. Ini merupakan dokumen kuno, memandangkan salinan asal berkemungkinan ditulis di atas bahan seperti kertas papyrus, yang boleh reput ditelan masa.

Oleh sebab itu, para sejarahwan menilai kebolehpercayaan salinan dari dokumen asal dengan menanyakan soalan-soalan berikut:

- Berapa lamakah salinan yang ada?
- Berapa lama tempoh diantara penulisan dokumen asal dengan penerbitan salinan yang kita miliki pada hari ini?
- Berapa banyak salinan telah ditemui?

Jadual berikut menjawab persoalan di atas berdasarkan tiga hasil penyelidikan sejarah yang boleh dipercayai dan membandingkannya dengan Perjanjian Baru (termasuklah Injil Markus).

Seperti yang ditunjukkan di dalam jadual berikut, salinan tertua Injil Markus diperbuat 240 tahun selepas dokumen asli (tempoh masa yang agak singkat) dan sebanyak 14,000 salinan dijumpai pada hari ini. Oleh itu, kita dengan penuh yakin dengan apa yang kita baca sememangnya seperti apa yang telah ditulis oleh Markus.

Untuk maklumat lebih lanjut, *Can I Really Trust The Bible?* yang ditulis oleh Barry Cooper adalah singkat dan senang dibaca.

SALINAN SAMPEL

TAMBAHAN

Tarikh dokumen asal yang selamat	Tarikh salinan tertua	Anggaran jangkamasa dianatara dokumen asal dan salinan tertua terselemanat	Bilangan salinan kuno yang wujud pada hari ini
Sejarah Thucydides dalam Perang Peloponnesian	c. 431-499 masih sebelum	900 selepas masihi termasuk beberapa bahagian pada lewat abad pertama	1,300 tahun
Perang Besar Caesar	c. 58-50 masihi	825 selepas masihi	875 tahun
Sejarah Tacitus	c. 98-108 masihi	c. 850 selepas masihi	750 tahun
Keseluruhan Perjanjian Baru (Injil Markus)	40-100 masihi 60-65 selepas masihi	350 selepas masihi (abad ke-3)	310 tahun (240 tahun atau kurang)
			14,000 (lebih kurang 5,000 bahasa Greek; 8000 Latin, 1,000 dalam bahasa lain)

SALINAN SAMPEL

PETA TEMPAT-TEMPAT INJIL MARKUS



TERUSLAH TEROKA...



Laman sesawang *Terokai Kristianiti* (www.christianityexplored.org) boleh membantu anda untuk terus menerokai kehidupan dan mesej Yesus di tempat dan waktu keselesaan anda.

Ia merangkumi:

- Video yang memberi jawapan bagi soalan-soalan sukar.
- Garis panduan visual menjelaskan tentang Kristianiti.
- Cerita kehidupan sebenar daripada orang-orang yang baru mengikuti Yesus.